

PAS tidak halang jika DAP keluar Pakatan Rakyat Sarawak
Malaysian Insider
July 21, 2014
OLEH MD IZWAN

PAS Sarawak tidak akan menghalang DAP daripada meninggalkan Pakatan Rakyat (PR) kerana perbezaan pendirian dalam isu hukum hudud.

Isu pertikaian hudud kini melarat ke Sarawak yang akan mengadakan pilihan raya negeri tahun depan, sekiranya tidak ditangani ia dijangka memberi impak kepada kempen PR.

"PAS sama sekali tidak mengkhianati perjanjian dan agenda bersama Pakatan Rakyat sepertimana yang termaktub di dalam Buku Jingga.

"PAS adalah sebuah parti yang dikenali dengan semangat setiakawan dengan rakan-rakan Pakatannya sejak Barisan Alternatif lagi," kata Pesuruhjaya PAS Sarawak Adam Ahid dalam satu kenyataan hari ini.

Semalam, DAP Sarawak mengancam keluar PR jika PAS terus bekerjasama dengan Putrajaya untuk melaksanakan hudud di Kelantan.

DAP juga tidak mahu dikaitkan PAS di Sarawak.

Perkara itu diputuskan dalam mesyuarat jawatankuasa negeri di Sibuhujung minggu lalu bagi menghadapi persediaan pilihan raya negeri tidak lama lagi.

PAS mengingatkan supaya DAP tidak membuat keputusan yang akan memberi kesan buruk kepada PR.

"PAS Sarawak ingin menegaskan bahawa setiap langkah yang tidak bijak akan membinasa sesebuah organisasi," katanya.

Adam juga menggesa supaya DAP fokus kepada musuh utama mereka dalam pilihan raya nanti, iaitu Barisan Nasional (BN).

Isu hudud kembali menjadi topik hangat selepas kerajaan PAS Kelantan bersungguh-sungguh untuk melaksanakannya dan bercadang membawa usul persendirian ke Dewan Rakyat untuk mendapatkan restu sebelum melaksanakannya.

Putrajaya juga bersetuju menubuhkan jawatankuasa teknikal mengenai pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syariah di Kelantan susulan perkembangan terbaru tersebut.

Bagaimanapun, isu hukum hudud menerima tentangan daripada rakan komponen BN sendiri iaitu MCA dan Gerakan, malahan DAP juga menentang keras langkah tersebut. – 21 Julai, 2014.

- See more at:
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-tidak-halang-jika-dap-keluar-pakatan-rakyat-sarawak#sthash.BtSDwsUU.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-tidak-halang-jika-dap-keluar-pakatan-rakyat-sarawak>